Ong Siew Hong lwn Teh Gaik Cheng

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — WRIT SAMAN NO S4–22–284 TAHUN 1996
RAHMAH HUSSAIN H
9 JULAI 1997

Acara Sivil *— Injunksi interim, permohonan untuk — Injunksi bagi melarang dan menahan defendan atau pun ejennya daripada mendekati plaintif dan melarang defendan mengacau atau mendesak plaintif secara fizikal dan mental — Prinsip-prinsip yang harus dipertimbangkan sebelum perintah injunksi interim diberikan — Sama ada injunksi harus diberikan*

Plaintif telah menjalin hubungan sulit dengan suami defendan. Pada 4 Mei 1996, defendan telah mencerobohi rumah plaintif dan mengeluarkan kata-kata kesat dan ugutan terhadap plaintif. Selepas peristiwa itu, defendan telah beberapa kali mengganggu plaintif secara mental dan emosi dengan menelefon plaintif, lalu lalang di hadapan rumah plaintif dan melemparkan kata-kata kesat dan ugutan terhadap plaintif. Di dalam permohonan ini, plaintif telah memohon perintah injunksi bagi melarang dan menahan defendan atau pun ejennya daripada mendekati plaintif sejarak 500m dan melarang defendan mengacau atau mendesak plaintif secara fizikal dan mental.

Diputuskan, membenarkan perintah injunksi:

Dalam mempertimbangkan sama ada suatu perintah injunksi interim harus diberikan, mahkamah telah mengambil kira dua prinsip: (i) injunksi interim atau injunksi interlokutori mandatori hanya boleh diberikan sebelum perbicaraan dalam kes-kes yang istimewa dan jarang diberikan; dan (ii) mahkamah dibenarkan memberi injunksi interlokutori walaupun ini bermakna seluruh relief telah diberikan dengan memberi pertimbangan imbangan kemudahan, iaitu sama ada terdapat pembelaan dalam kes itu.

Berdasarkan fakta kes ini, adalah jelas bahawa ia termasuk di dalam kes-kes khas dan asing yang memerlukan injunksi interim diberikan. Seterusnya, didapati bahawa terma injunksi tidak akan menjejaskan defendan dalam menjalankan kehidupannya sehari-hari; sebaliknya, jika injunksi tidak diberikan, kehidupan plaintif akan menjadi kucar-kacir sama ada di rumah mahupun di tempat kerja. Oleh itu, di atas imbangan kesesuaian status quo plaintif harus dikekalkan seperti mana keadaan sebelum berlakunya peristiwa pada 4 Mei 1996 (lihat ms 374F–I dan 375C–D); *Gibb & Co v Malaysia Building Society Bhd* [1982] 1 MLJ 271 diikut.

[English summary

The plaintiff had an affair with the defendant's husband. On 4 May 1996, the defendant had trespassed onto the plaintiff's house and uttered abusive words and threats towards the plaintiff. After that incident, the defendant had mentally and emotionally harassed the

plaintiff by telephoning the plaintiff, frequently passing in front of the plaintiff's house and hurling abuse and threats towards the plaintiff. In this application, the plaintiff had applied for an injunction order to prohibit and restrain the defendant or her agent from getting within 500m of the plaintiff and prohibiting the defendant from physically or mentally harassing the plaintiff.

Held, allowing the injunction order:

In considering whether or not an interim injunction order should be granted, the court took two principles into consideration: (i) interim injunctions or interlocutory mandatory injunctions could only be granted before the trial in special cases and were rarely granted; and (ii) the court could grant interlocutory injunctions even if this meant the entire relief had been granted using the consideration of balance of convenience, ie whether there was a defence in that case.

Based on the facts of this case, it was clear that it belonged to the special and alien cases which require the granting of interim injunctions. Further, it was discovered that the terms of the injunction would not affect the defendant from carrying on his daily life; on the contrary, if the injunction were not granted, the plaintiff's life would turn chaotic whether at home or at the workplace. Therefore, on the balance of convenience the plaintiff's status quo should be preserved as it existed prior to the incident of 4 May 1996 (see pp 374F–I and 375C–D); *Gibb & Co v Malaysia Building Society Bhd* [1982] 1 MLJ 271 followed.]

[*Editorial Note*: The defendant has appealed to the Court of Appeal vide Civil Appeal No W–02–614–1996.]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai permohonan bagi injunksi interim, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan-perenggan 1538 dan 1562.

Kes-kes yang dirujuk

Chung Khiaw Bank Ltd v Bajaj Textiles Ltd & Anor [1968] 1 MLJ 299 (refd)

Commonwealth of Australia v Milford (M) Sdn Bhd & Anor [1990] 1 MLJ 475 (refd)

Gibb & Co v Malaysia Building Society Bhd [1982] 1 MLJ 271 (folld)

Tunas (Pte) Ltd v Mayer Investment Pte Ltd & Ors [1989] 2 MLJ 132 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Relief Spesifik 1950 s 51(1)

Vickneswari (*V Manickam & Partners*) bagi pihak plaintif.
WK Leong (*Riza Leong & Partners*) bagi pihak defendan.

Rahmah Hussain H: Permohonan plaintif ialah untuk perintah: A

(i) melarang dan menahan defendan atau pun agennya daripada mendekati plaintif sejarak 500m dan melarang defendan mengacau atau mendesak plaintif secara fizikal dan mental;

(ii) ganti rugi am yang dialami oleh plaintif ditaksirkan oleh pendaftar Mahkamah Tinggi; dan B

(iii) kos.

Plaintif telah menjalin hubungan sulit dengan suami defendan bernama Andrew Nathan @ Tan Swee Choon. Mereka tinggal di alamat kediaman No 34, Jalan USJ 9/5D manakala defendan pula tinggal di rumah perkahwinan di alamat No 9 Jalan SS 1/9, Kg Tunku, Petaling Jaya. Defendan dan suaminya mengalami masalah perkahwinan dan telah tidak hidup sebagai suami isteri sejak 10 tahun yang lampau. C

Pada 4 Mei 1996, defendan telah mencerobohi rumah plaintif di No 34, Jalan USJ 9/5D dan mengeluarkan kata-kata kesat dan ugutan berbunyi 'I'll tear her apart'. Kemudian pada 30 Mei 1996, defendan dengan niat mengganggu plaintif secara mental dan emosi telah menelefonnya beberapa kali di tempat kerjanya. Di samping itu, defendan masih meneruskan dengan perbuatannya lalu lalang di hadapan rumah plaintif beberapa kali dan mengucapkan kata-kata ugutan bahawa defendan boleh dan berniat mencederakan plaintif. D E

Pada 13 Jun 1996, writ saman untuk perintah injunksi telah difailkan; manakala pada 19 September 1996 mahkamah telah memberi satu perintah injunksi interim yang melarang defendan dari mendekati plaintif sejarak 500m dan menegah defendan dari mengacau atau mendesak plaintif secara fizikal dan mental sehingga penyelesaian kes ini. F

Dalam mempertimbangkan sama ada suatu perintah injunksi interim harus diberikan, mahkamah telah mengambil kira prinsip dan prosedur yang dinyatakan dalam kes *Gibb & Co v Malaysia Building Society Bhd* [1982] 1 MLJ 271.

Dua prinsip utama kes ini ialah: G

Pertama, injunksi interim atau injunksi interlokutori mandatori hanya boleh diberikan sebelum perbicaraan dalam kes-kes yang istimewa (exceptional) dan jarang diberikan.

Kedua, mahkamah dibenarkan memberi injunksi interlokutori walaupun ini bermakna seluruh relief telah diberikan dengan memberi pertimbangan imbangan kemudahan, iaitu sama ada terdapat pembelaan dalam kes itu. H

Berdasarkan fakta kes di hadapan saya sekarang, adalah jelas bahawa ia termasuk di dalam kes-kes khas dan asing yang memerlukan injunksi interim diberikan. Rentetan peristiwa yang dikemukakan di mahkamah menunjukkan ketakutan emosi dan fizikal yang dialami oleh plaintif adalah benar (real) dan bukan sesuatu yang sengaja diada-adakan. Peristiwa bermula pada 4 Mei 1996 di mana defendan telah mencerobohi rumah plaintif dan melemparkan kata-kata kesat 'I'll tear her apart'. Seterusnya pada 30 Mei 1996, defendan telah menelefon pejabat plaintif beberapa kali. I

A Malah tindakan defendan yang lebih melampau lagi ialah pada 20 Julai 1996 (setelah writ saman difailkan) di mana defendan telah datang ke rumah plaintif dan membaling batu-bata ke arah pintu, bumbung dan kereta yang terletak dalam kawasan rumah plaintif serta menarik rambut plaintif melalui pagar depan. Tanpa menghiraukan arahan dari pegawai-
B pegawai polis di Balai Polis Shah Alam, defendan telah meneruskan tindakan ganasnya dengan membaling telefon bimbitnya ke arah muka plaintif. Adalah nyata dari peristiwa-peristiwa di atas ancaman lisan yang dibuat oleh defendan boleh direalisasikan dengan perbuatan sekira tidak ditegah oleh sebarang perintah mahkamah.

Seterusnya, saya telah mempertimbangkan kedudukan kedua-dua
C pihak sekiranya injunksi diberikan. Saya berpendapat terma injunksi tidak menjejaskan defendan dalam menjalankan kehidupannya sehari-hari kerana apa yang perlu dilakukan oleh defendan hanyalah menjauhkan diri dari plaintif. Sebaliknya, jika injunksi tidak diberikan kehidupan plaintif akan menjadi kucar-kacir sama ada di rumah mahupun di tempat kerja. Oleh
D itu, di atas imbangan kesesuaian status quo plaintif harus dikekalkan seperti mana keadaan sebelum berlakunya peristiwa pada 4 Mei 1996.

Pembelaan defendan juga nyata tidak mengandungi merit dan bertujuan semata-mata melambatkan prosiding ini, oleh itu tidak terdapat isu-isu untuk dibicarakan.

E Isu-isu sampingan yang dibangkitkan oleh defendan serta nas-nas yang dikemukakan adalah tidak relevan bagi tujuan pertimbangan mahkamah dalam memberikan perintah injunksi ini. Antaranya:

(1) Kelewatan dua bulan oleh plaintif memfailkan permohonan ini adalah munasabah. Berdasarkan perenggan 11, kandungan 7, plaintif telah
F dinasihatkan oleh peguamcara yang dipilihnya mula-mula iaitu Tetuan Yusuf Khan dan Pathmanathan supaya mendapatkan perkhidmatan peguamcara lain memandangkan mereka menguruskan perceraian perkahwinan suami defendan dengan defendan.

Kes-kes yang dikemukakan iaitu *Chung Khiaw Bank Ltd v Bajaj Textiles Ltd & Anor* [1968] 1 MLJ 299 dan *Tunas (Pte) Ltd v Mayer*
G *Investment Pte Ltd & Ors* [1989] 2 MLJ 132 tidak terpakai kerana dalam kes-kes tersebut kelewatan adalah setahun dan hak-hak pihak ketiga bona fide yang sedia wujud akan terjejas dengan pemberian injunksi itu. Sedangkan dalam kes kita, pemberian injunksi itu tidak memudaratkan mana-mana pihak.

H (2) Kesan injunksi tidaklah terlalu luas seperti yang didakwa oleh defendan. Terma injunksi adalah setakat keperluan untuk melindungi hak asasi plaintif dan tidak bertujuan menghadkan pergerakan defendan sebagaimana didakwa oleh defendan.

(3) Walaupun terdapat permohonan untuk ganti rugi ditaksirkan di
I hadapan penolong kanan pendaftar, ganti rugi bukanlah remedi yang mencukupi kerana ianya tidak akan dapat mempampaskan sebarang kecederaan yang boleh dialami oleh plaintif akibat tindakan defendan.

(4) Walaupun laporan polis telah dibuat, plaintif masih perlu mendapat perlindungan dari mahkamah sivil sebelum terjadinya apa-apa

kecederaan terhadap dirinya. Kes *Commonwealth of Australia v Milford (M) Sdn Bhd & Anor* [1990] 1 MLJ 475 yang dikemukakan adalah tidak relevan. Fakta-fakta dalam kes itu adalah berbeza di mana Pihak Berkuasa Australia telah merampas beberapa dokumen dari fail kepunyaan penentang. Relief yang di pohon oleh penentang adalah terhadap pihak berkuasa dan ini akan menghalang mereka daripada menjalankan tugas. Tetapi di dalam kes di hadapan kita, perintah adalah terhadap seorang individu dan bukan pihak yang berkuasa.

(5) Mengenai hujah peguam defendan bahawa relief yang dipohon adalah injunksi berkekalan, dengan hormatnya saya tidak setuju. Di bawah s 51(1) Akta Relief Spesifik 1950 (Specific Relief Act 1950) dinyatakan:

> (1) Temporary injunctions are such as are to continue until a specified time, or until the further order of the court. They may be granted at any period of a suit, and are regulated by the law relating to civil procedure.

Dalam perkara ini, perintah yang saya beri adalah jelas, iaitu perintah injunksi dibenarkan sehingga penyelesaian penuh kes ini.

Ini bermakna pihak defendan atau ejennya di larang dan ditahan daripada mendekati plaintif sejarak 500m dan dilarang mengacau atau mendesak plaintif secara fizikal dan mental sehingga penyelesaian penuh kes ini dan bukan selama-lamanya. Juga perintah tersebut tidak menghalang beliau berjumpa atau menghubungi suaminya.

Akhir kata, sebelum membuat keputusan tersebut, saya telah menerima pakai keputusan dalam kes *Gibb & Co v Malaysia Building Society Bhd* [1982] 1 MLJ 271 yang berbunyi:

> In deciding the manner of interlocutory injunction that should be granted, courts of equity will consider how the interests of the parties may best be protected, bearing in mind both the position of the parties subsequently at the final hearing and also questions of hardship and inconvenience in the meantime, and will take into account any other relevant discretionary considerations which may arise.

Perintah injunksi dibenarkan.

Dilaporkan oleh Loo Lai Mee